

Idea rekaan selalunya diperoleh melalui pemerhatian daripada keadaan sekeliling yang kemudiannya diubah mengikut cita rasa sendiri di samping memperoleh idea melalui internet dan kreativiti sendiri



WALAU PUN masih belajar Izyan mampu memperoleh pendapatan yang lumayan hasil perniagaannya.



WANITA ini berjaya mengubah jean menjadi aksesori yang berharga.

Ilham produk jean terpakai

SEAKAN-AKAN tidak percaya apabila kru *Jurnal* melihat anak muda yang masih menuntun peringkat ijazah jurusan Pengajian Bahasa Inggeris di Universiti Kebangsaan Malaysia ini dengan tekun menyiapkan tempahan pelanggan.

Daripada kain seluar jean terpakai, Qurratu Izyan Nadzarein Shah, 23, mengubahnya menjadi beg tangan, sarung komputer riba, sarung telefon bimbit, sarung cermin mata, jaket dan sarung botol air.

Menurutnya, idea perniagaan berasaskan jean itu diperoleh ketika menjalani latihan praktikal di sebuah syarikat swasta selain ia merupakan hobi rakan kongsinya yang merupakan penuntut di Universiti Putra Malaysia, Aimi Nadzirah Yahya, 23.

"Aimi yang memperkenalkan kemahiran ini kepada saya sebelum dipraktikkan sendiri olehnya.

"Mulanya, hasil yang diperoleh kurang menjadi tetapi itu tidak melemahkan semangat saya untuk terus mencuba. Sebenarnya, rekaan yang dihasilkan

bergantung kepada kreativiti dan permintaan pelanggan itu sendiri. Menerusi blog dan medium Facebook, *Dazzling Denim*, Izyan dan rakan kongsinya menjalankan promosi dan menerima tempahan terutamanya pada cuti semester.

Tambahnya, pelanggan boleh memilih sama ada mahu menggunakan jean mereka sendiri ataupun menyerahkan tugas itu kepada Izyan.

"Selalunya saya mendapat bekalan jean dengan membelinya di kedai pakaian terpakai di sekitar Johor Bahru.

"Idea rekaan selalunya diperoleh melalui pemerhatian daripada keadaan sekeliling yang kemudiannya diubah mengikut cita rasa sendiri di samping memperoleh idea melalui internet.

"Seronok melakukan perkara yang kita minat dan setakat ini pelanggan berpuas hati dengan produk yang dihasilkan. Ada juga

yang membuat tempahan berulang kali kerana gemarkan rekaan yang diketengahkan," ujarnya yang sudah dua tahun setengah memulakan perniagaan online itu.

Tambah Izyan, dia memerlukan masa sehari untuk menyiapkan satu produk jika dia benar-benar fokus dengan apa yang dilakukan tetapi satu tempahan boleh memakan masa selama tiga hari jika rekaan itu rumit.

"Apabila ada rakan kongsi, lebih mudah bagi kami menguruskan perniagaan ini, lagipun kami masih belajar. Jika ada tempahan yang saya tidak sempat buat, Aimi akan bantu dan sebaliknya," katanya yang turut menggunakan produk kulit untuk digayakan bersama denim.

Mengulas lanjut, Izyan memberitahu, setakat ini dia tidak pernah lagi menerima tempahan untuk hadiah perkahwinan kerana takut tidak dapat menyiapkannya dalam tempoh masa yang dikehendaki.

"Bukan tidak mahu mencuba, tetapi saya tidak berani kerana

masih baharu dalam bidang ini, jika saya sudah benar-benar mahir nanti apa salahnya mencuba kerana setakat ini saya hanya menerima tidak melebihi 50 tempahan.

"Saya menjahit kesemua produk daripada jean ini menggunakan mesin jahit elektrik yang dihidaihkan oleh arwah datuk. Ia banyak memberi dorongan kepada saya untuk memajukan perniagaan ini," ujarnya yang meletakkan harga antara RM30 hingga RM100 bagi produk yang dihasilkan.

Hasil daripada perniagaan itu membolehkannya menambah duit perbelanjaan untuk keperluan pengajian dan bukan sahaja dapat mengitar semula seluar jean terpakai tetapi membolehkan individu memiliki beg dengan identitinya yang tersendiri.

Ujarnya, dia bercita-cita mahu memiliki kedai sendiri yang menawarkan produk-produk hasil ciptaannya itu selain mahu mengembangkan lagi perniagaan daripada produk terpakai itu.



QURRATU IZYAN